

D157

U B013 AAB
MAHATHIR-DADAH
(I)

KUALA LUMPUR, 22 SEPT (BERNAMA) -- RANG UNDANG-UNDANG YANG DICADANGKAN MENGENAI PERAMPASAN HARTA YANG TERHASIL DARIPADA PENGEDARAN DADAH AKAN DIBENTANGKAN DI PARLIMEN SECEPAT MUNGKIN, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KETIKA DITANYA SAMA ADA RANG ITU AKAN DIBENTANGKAN PADA SESSI PARLIMEN AKAN DATANG, BELIAU BERKATA KERAJAAN SEDANG BERUSAHA BERBUAT DEMIKIAN.

BELIAU JUGA BERKATA DI BAWAN RANG UNDANG-UNDANG YANG DICADANGKAN ITU, HARTA YANG DIRAMPAS AKAN DILELONG, SAMA SEPERTI HARTA-HARTA LAIN YANG DIRAMPAS.

BELIAU BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN MESYUARAT KUMPULAN PAKAR BANGSA-BAGNSA BERSATU MENGENAI KAEDAH YANG DIPERAKUKAN BAGI UJIAN GANJA DAN ANALISIS AMPHETAMINE-METHAMPHETAMINE DI SINI.

BELIAU YAKIN RANG ITU, PERUNDANGAN KELIMA NEGARA INI MENGENAI DADAH, AKAN DILULUSKAN. - LAGI

1314MST 22 09 86

D165

U B017 AAB
MAHATHIR - DADAH 2 KUALA LUMPUR

SEMASA BERUCAP KEPADA PAKAR-PAKAR DADAH BB SEBELUM ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA RANG UNDANG-UNDANG MENGENAI PERAMPASAN KEUNTUNGAN YANG DISYAKI DAN HASIL DARIPADA PENGEDARAN DADAH SEDANG +DIPERTIMBANGKAN DENGAN AKTIF+ OLEH KERAJAAN MALAYSIA.

+RANG YANG DICADANGKAN ITU, APABILA DILULUSKAN OLEH PARLIMEN, AKAN MENGAKIBATKAN PENGEDAR TIDAK MEMPUNYAI APA-APA PADA DIRINYA,+ KATA BELIAU.

BELIAU JUGA MEMBERITAHU PAKAR-PAKAR ITU BAHAWA PERUNDANGAN NEGARA MENGENAI DADAH BARU-BARU INI MEMBERI LEBIH KUASA KEPADA PIHAK BERKENAAN TERMASUK KUASA MENAHAN TANPA BICARA TETAPI DENGAN BUKTI JELAS, MEREKA YANG DISYAKI MENJADI PERANCANG DAN KETUA SINDIKET DADAH.

PAKAR-PAKAR FORENSIK DARI AUSTRIA, AUSTRALIA, ARGENTINA, BELGIUM, AMERIKA SYARIKAT, KANADA, REPUBLIK PERSEKTUUAN JERMAN, BELANDA, SWITZERLAND, SUDAN, TURKI, JEPUN, SINGAPURA, NORWAY, UNITED KINGDOM DAN MALAYSIA MENGHADIRI MESYUARAT ITU. -- BERNAMA

1331MST 22 09 86